

SILAT

LATIHAN/Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson

20 JUL 1988

B. Harian (M)

Pesilat Selangor turun gelanggang

SELANGOR akan menghantar 20 pesilat menjalani latihan pusat di Kuala Kubu Bharu selama tujuh hari mulai hari ini sebagai persiapan menghadapi Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai, lapor SAARI SANIF.

Selangor diperkuatkan oleh tiga pesilat kebangsaan iaitu pemenang pingat emas Sukan SEA lalu, Ahmad Khusairi Ibrahim (Kelas D), Ahmad Rafie Yaacob (kelas A) dan Rozaldi Abdul Rahman (Kelas E).

Bagaimanapun, pemenang pingat perak Silat Sedunia, Normala Yaacob, gugur daripada skuad negeri itu apabila tewas di Kejohanan Tertutup Selangor baru-baru ini.

Setiausaha Majlis Sukan Seni Silat Selangor (Masis), Khalid Haji Osman, berkata latihan itu dikendalikan oleh Mufti Ansari dan Adnan Zakaria.

Katanya, kedua-dua jurulatih itu akan menumpu perhatian kepada taktik serangan dan menangkis.

Beliau yang juga Pengurus pasukan itu meminta orang perseorangan dan swasta menghulur bantuan kewangan untuk menjayakan latihan.

■ Di Terengganu, Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud, mengumumkan perantikan Yang Dipertua Persatuan Seni Silat Terengganu (PESILAT), Haji Shafie Abdul Rahman sebagai Pengurus skuad Sukan SEA negara tahun depan.

Datuk Haji Abdul Rahman berkata, pemilihan Haji Shafie kerana kewibawaannya ketika mengendalikan skuad negara di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur, Disember lalu.

Sementara itu, Haji Shafie memberitahu latihan pusat fasa dua akan diadakan di Kuala Terengganu pada 15-21 Ogos ini.

Mengulas penarikan diri Perguruan Silat Cemandi di Kejohanan Silat Olahraga/Seni Terengganu baru-baru ini, beliau berkata itu perkara biasa dalam mana-mana kejohanan apabila mereka tidak berpuas hati dalam satu-satu hal.

■ JUARA silat dunia Kelas B, Ahmad Wardi Salim mengekalkan kejuaraan di samping anugerah pesilat terbaik Melaka apabila menundukkan Zaharud-

din Ibrahim di Kejohanan Silat Olahraga/Seni Tertutup Melaka di Ayer Keroh, kelmarin.

Ahmad Wardi mewakili Persatuan Silat Bakawali (PSB) tidak menghadapi tekanan daripada lawannya dari Persatuan Silat Sikumi (PSS).

Beliau sekadar menjadikan gelanggang itu sebagai latihan bagi menyertai Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai ini.

"Saya akan berusaha mempertahankan kejuaraan Kelas B di Kejohanan Kebangsaan," kata Pesilat Terbaik Kebangsaan '86.

Pesilat muda, Saharuddin Ibrahim dipilih sebagai Pesilat Harapan Melaka '88 apabila mengalahkan Rahman Osman untuk menjuarai Kelas C.

Saharuddin dari PSB menunjukkan permainan cantik dan mantap untuk menyingkirkan pesilat Persatuan Silat Lintau itu.

Pesilat seni kebangsaan, Zailan Zainuddin pula menjuarai acara bersenjata setelah mengelepikan seorang lagi pesilat seni negara, Norazman Naim.

Kedua-dua mereka dari Persatuan Silat Hulubalang (PSH) yang turut membantu pertubuhan itu menjuarai bahagian berpasukan.

Manakala, Suzana Sidek dari Persatuan Silat Pukulan (PSP) menjadi juara Kelas C apabila menumpaskan Fauziah Ahmad dari PSS.

Juara lelaki dan wanita dalam kelas masing-masing akan mewakili Melaka di Kejohanan Silat Kebangsaan hujung bulan ini.

Melaka turut menyenaraikan pasukan silat seni di kejohanan itu.

KEPUTUSAN AKHIR:

Lelaki - Kelas A - 1 S B Afied Uang (PSS), 2 Abu Bakar Md Isa (PSB); Kelas B - 1 Ahmad Wardi Salim (PSB), 2 Zaharuddin Ibrahim (PSS); Kelas C - 1 Saharuddin Ibrahim (PSS), 2 Rahman Osman (PSL); Kelas D - 1 Abdul Latif Jahaya (Persatuan Silat Harimau (PSH)), 2 Mohd Jamal Abdul Jaabar (PSB); Kelas E - 1 Azahari Idris (PSSP), 2 Azmi Lawi (PSS); Kelas F - 1 Zailan Zainuddin (PSH), 2 Mazalan Abdul Samad (PSS); Kelas G - 1 Mohd Noor Ali (PSH), 2 Chairul Akhbar (PSS); Kelas H - 1 Sazali Saad (PSP), 2 Shamsor Amid (PSH); Kelas I - 1 Ridzuan Salleh, 2 Zaini Husin (PSL).

Wanita: Kelas A - 1 Suzana Sidek (PSP), 2 Fauziah Abdul Wahab (PSS); Kelas B - 1 Hadiliah Hassan, 2 Noryati Ahmad (PSH); Kelas C - 1 Rohana Mamat - menang tanpa bertanding (PSH); Kelas D - 1 Aslinah Masud (PSH), 2 Normah Jan Abdul Aziz (PSL).